

03 SEP 2001

DR MAHATHIR: UMNO TIDAK TERLIBAT DENGAN PILIHAN RAYA SARAWAK

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Umno tidak akan terlibat secara langsung dalam pilihan raya negeri Sarawak yang akan diadakan tidak lama lagi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata pembabitan Umno di pilihan raya negeri itu hanya setakat memberi sokongan menerusi Barisan Nasional (BN) kepada parti-parti komponennya yang bertanding.

"Saya nak katakan di sini secara terus terang bahawa Umno tidak terlibat secara langsung dalam pilihan raya negeri Sarawak," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

"Kita tidak sokong mana-mana orang yang mendakwa mereka adalah daripada parti Umno atau disokong oleh Umno," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, hari ini.

Ditanya jika terdapat anggota Umno yang bertanding dalam pilihan raya itu, Dr Mahathir berkata: "Kalau dia bertanding dia bukan anggota Umno."

"Beliau boleh terus berkata beliau anggota Umno tetapi kita tidak akan menerimanya dan akan memberitahu pengundi beliau bukan anggota Umno," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, beliau akan mengesahkan senarai terakhir calon BN pada pilihan raya itu selagi tiada calon-calon yang tidak sesuai.

-- BERNAMA

SR CS AFY PR